

**DAP masih boleh bertanding PRU 13 guna logo Raket, kata SPR**  
**Malaysian Insider**  
**April 18, 2013**  
**Oleh Amin Iskandar**

KUALA LUMPUR, 18 April - DAP masih boleh bertanding dalam Pilihan Raya 2013 walaupun Pendaftar Pertubuhan (RoS) memberitahu parti tersebut mereka tidak mengiktiraf pemilihan Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC) parti berkenaan yang diadakan Disember lalu, kata Datuk Wan Ahmad Wan Omar.

Menurut timbalan pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu, ini adalah kerana RoS hanya tidak bersetuju dengan pemilihan CEC parti tersebut dan ianya tidak melibatkan pembatalan parti.

"Boleh boleh bertanding guna logo mereka sebab masalah dengan RoS ini bukan masalah pembatalan parti. Cuma masalah RoS tidak iktiraf pemilihan CEC," kata Wan Ahmad apabila dihubungi oleh The Malaysian Insider sebentar tadi.

"Oleh itu DAP harus bertemu RoS sama ada penyandang jawatan Setiausaha Agung atau Bendahari sebelum pemilihan dalam AGM lalu masih layak untuk menandatangani dokumen parti untuk tujuan pilihan raya," tambah beliau lagi.

Jawatan setiausaha agung DAP sekarang ini dipegang oleh ketua menteri kerajaan sementara Pulau Pinang Lim Guan Eng dan jawatan bendahari pula dipegang oleh penyandang ahli parlimen Bukit Bintang.

Hari ini heboh apabila RoS menghantar surat kepada pucuk pimpinan DAP mengatakan mereka tidak mengiktiraf pemilihan CEC parti tersebut.

"Jadi pucuk pimpinan DAP perlu bertemu dengan RoS samada hari ini atau esok untuk selesaikan masalah ini dan dapatkan penjelasan senarai CEC yang mana yang RoS iktiraf," katanya.

Menurut Wan Ahmad, DAP masih lagi sebuah parti politik berdaftar jadi masih layak untuk bertanding dalam pilihan raya.

"Penyiasatan RoS mengenai pemilihan CEC masih berjalan," katanya.

DAP dikatakan mengadakan mesyuarat pada 3.00 petang tadi untuk membincangkan mengenai permasalahan ini.

Hari penamaan calon bagi Pilihan Raya 2013 adalah pada Sabtu ini dan hari membuang undi adalah pada 5 Mei.

DAP mengakui berlaku kesilapan dalam pengiraan undi semasa pemilihan jawatan CEC yang diumumkan 15 Disember tahun lalu dan menerusi keputusan yang dipinda itu, Zairil Khir Johari yang pada mulanya berada pada kedudukan 39, kini berada pada kedudukan 20.

Vincent Wu, yang pada mulanya mendapat tempat keenam dengan 1,202 undi, jatuh ke tempat ke-26 kerana parti itu mendakwa beliau sebenarnya hanya meraih 669 undi.

Tindakan ini menimbulkan kemarahan segelintir ahli parti dan DAP turut menerima kritikan daripada musuh-musuh politiknya kerana dikatakan tidak tahu menguruskan pemilihan parti dengan baik.

Menurut Wan Ahmad lagi, SPR akan mengikut watakah perlantikkan calon yang dikeluarkan oleh pucuk pimpinan DAP untuk mengesahkan siapa boleh bertanding menggunakan logo parti tersebut agar tidak timbul sebarang masalah.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-masih-boleh-bertanding-pru-13-ka-ta-spr/>